

KATA-KATA PUJIAN DAN BINGKISAN HADIAH MASYARAKAT MELAYU LAMA

Teks: Muhammad Hisyam Haliah

Kewujudan warkah sosial Melayu membuktikan wujudnya medium komunikasi yang merentas sempadan dalam kalangan masyarakat tempatan atau pihak asing. Menurut Ab. Razak Ab. Karim dalam Warkah Melayu Lama, warkah sosial ialah warkah yang dihantar oleh raja, pembesar atau individu tertentu kepada orang lain dengan tujuan meminta bantuan atau pertolongan, hal-hal peribadi, perdagangan, perniagaan atau sebagainya. Warkah sosial mempunyai struktur yang berlainan dengan warkah perjanjian. Warkah sosial lebih bersifat umum dan tidak melibatkan banyak perkara rahsia atau banyak mengemukakan soal peribadi kepada para penerima.

Kewujudan warkah sosial juga menggambarkan bahawa masyarakat Melayu mampu menghasilkan wacana tersendiri dengan berasaskan amalan berbudaya dan kearifan tempatan.

Hal ini dikatakan demikian kerana warkah Melayu membawa dimensi baharu dalam kehidupan masyarakat Melayu bagi memperkenalkan pandangan mereka. Kepelbagaian aspek yang diperkatakan dalam warkah menjadi sumber penting bagi meneroka persekitaran politik, ekonomi, sosial, peradaban, falsafah dan sejarah bagi sesebuah masyarakat dan negara.

Jika diteliti, warkah sosial Melayu ialah manuskrip Melayu yang terbina dengan struktur tersendiri. Struktur warkah ini memperlihatkan susunan yang berurutan, iaitu dimulakan dengan kepala surat, cap, kata-kata pujian, kandungan, prapenutup atau pernyataan bingkisan hadiah, dan penutup. Namun begitu, dalam penulisan ini, penulis hanya memfokuskan dua komponen yang memperlihatkan amalan berbudaya masyarakat Melayu lama yang kekal hingga sekarang, iaitu aspek

kata-kata pujian dan pernyataan bingkisan hadiah.

Pada dasarnya, orang Melayu cukup kaya dengan tradisi budaya yang dimiliki dan diwarisi sehingga menjadi suatu pegangan yang perlu dipatuhi oleh setiap kelompok masyarakatnya. Hubungan antara masyarakat Melayu dengan budaya pula begitu rapat. Maka itu, masyarakat yang berbudaya tinggi, beradab dan saling bertoleransi dapat menterjemahkan ketamadunan bangsa. Begitulah yang berlaku terhadap Tamadun Melayu yang asasnya dibina daripada ketinggian dan keluhuran budaya yang cukup tinggi. Hal ini terbukti melalui penggunaan bahasa yang baik, betul dan indah dalam dua komponen warkah sosial tersebut. Akal mereka dapat diasah sebagai alat pembina tamadun, terutama semasa berfikir, bersosial dan berfalsafah.

Pengungkapan kata-kata pujian dan pernyataan bingkisan hadiah yang dititipkan merupakan satu konsep budaya yang menjadi landasan penting bagi mewujudkan hubungan mesra dalam kalangan anggota masyarakat. Budaya ini akhirnya menjadi satu susunan perlakuan yang dipelajari dan menjadi satu kelompok budaya yang digunakan bersama dan diwariskan kepada masyarakat.


Kata-Kata Pujian Sebagai Pembuka Warkah

Penggunaan kata-kata pujian merupakan aspek yang sangat penting dalam penulisan warkah sosial Melayu. Pada kebiasaannya, kata-kata pujian ini terkandung pada baris awal ayat sesepucuk warkah sosial Melayu. Penulisan kata-kata pujian yang tinggi melangit oleh pengirim seolah-olah mahu mengkilankan diri dan mengagung-agungkan penerima warkah. Pada masa yang sama, penggunaan kata-kata pujian menimbulkan unsur pemujukan atau pembuka komunikasi sebelum menyatakan hasrat sebenar penulisan warkah. Penerapan ini juga diharapkan dapat membuka hati penerima warkah menunaikan segala hasrat yang diminta.

Tanpa disedari, penggunaan kata-kata pujian dapat menggambarkan keunggulan budaya dan keagungan istana kerajaan Melayu pada ketika itu. Hal ini dikatakan demikian kerana tradisi penggunaan kata pujian pada asasnya bersumberkan tatacara surat-menyurat Parsi pada waktu tersebut. Penggunaan kata-kata pujian dalam warkah juga dipraktikkan oleh sesetengah pegawai Barat ketika mengutuskan warkah kepada masyarakat Melayu tempatan.

Apabila mengarang kata-kata pujian, penulis warkah haruslah mempertimbangkan latar belakang pemeran yang terlibat, sama ada pengirim atau penerima warkah. Pertimbangan status dan sekatan sosial yang menentukan kedudukan mereka dalam masyarakat amat penting untuk kelangsungan warkah tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui kata-kata pujian, gambaran tentang kekuasaan, keistimewaan dan kebaikan individu terlibat menentukan hala tuju sesepucuk warkah tersebut diberikan sebagai keutamaan ataupun tidak.

Pelbagai cara penulisan kata-kata pujian telah digunakan oleh sultan, pembesar, kerabat, pegawai Belanda dan saudagar kepada penerima surat. Kata-kata pujian tersebut dalam bentuk yang meleret-leret dan panjang lebar atau secara ringkas sahaja. Tidak kiralah ukuran kepanjangannya, sesungguhnya penggunaan kata-kata pujian ialah lakuan bahasa yang mempunyai kepentingan



Warkah Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light pada 4 Februari 1792.

tersendiri kerana pengirim wajib menyatakannya sebelum mengemukakan hasrat.

Beberapa unsur yang digunakan dalam kata-kata pujian boleh diklasifikasikan sebagai bentuk strategi komunikasi dengan pendekatan langsung. Antaranya termasuk kata-kata pujian bersifat kemesraan, penilaian kehandalan, melambangkan konsep ruang, konsep waktu dan kaedah doa. Sebagai contohnya, kata-kata pujian yang panjang dalam warkah Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Francis Light, pada 4 Februari 1792, mempunyai hampir semua unsur yang dinyatakan; *Bahawa ini warkat al-ikhlas yang terbit daripada fuad al-zakiah serta kasih sayang yang tiada berhingga iaitu daripada Seri Sultan Mansur ibn al-marhum al-Sultan Zainal Abidin yang di atas takhta kerajaan negeri Terengganu Darussalam barang diwasilkan Tuhan Khaliq 'alam apalah kiranya kepada pihak kekasih kita dan sahabat kita iaitu anak kita Gurnadur yang ada istikam*

serta memegang perintah dan daerah Bandar Pulau Pinang. Barang bertambah-tambah kebesarannya dan kemuliaannya dan dipanjangkan Allah umur usianya serta beroleh sihat dan afiat selagai ada hayat zamannya. Dan ialah yang mempunyai perangai yang lemah lembut serta terlalu arif pada hal memerintahkan khayr dan salah serta tolong menolong pada sekalian sahabatnya orang besar-besar dan raja-raja. Barang dikekalkan Allah perangai yang demikian selama ada cekerawala matahari dan bulan.

Penggunaan ungkapan kemersaan dan penilaian kehandalan ialah strategi pihak sultan yang mempertaruhkan kedudukan sosial baginda apabila berhubungan dengan pihak Barat. Secara umumnya, golongan sultan ialah golongan yang mulia dan tinggi kedudukannya. Namun begitu, oleh sebab Francis Light ialah Gabenor Negeri-Negeri Selat yang telah menguasai hampir seluruh peranan yang dipegang oleh sultan sebelum ini, kecuali agama Islam dan adat istiadat Melayu, Sultan Mansur Riayat Syah terpaksa mengakui ketinggian kuasa Francis Light. Atas dasar ini, penggunaan kata-kata merendah diri dan mesra ini digunakan untuk memastikan hajat baginda ditunaikan oleh Francis Light.

Tradisi penggunaan kata-kata pujian oleh sultan dalam warkah Melayu seolah-olah menjadi suatu format yang perlu diakur oleh masyarakat di bawah baginda. Hal ini dikatakan demikian kerana bagi masyarakat Melayu, segala perbuatan raja menjadi ikutan masyarakat selagi perbuatan tersebut tidak melampaui kuasa para sultan. Oleh sebab itu, penggunaan kata-kata pujian yang panjang dan sarat dengan unsur yang mendasarinya juga terdapat dalam warkah yang melibatkan kerabat diraja dan pembesar, para saudagar dan pegawai Barat.

Bingkisan Hadiah Sebagai Manifestasi Kasih

Pernyataan bingkisan hadiah dalam warkah sosial biasanya diperturunkan selepas dinyatakan segala tujuan dalam kandungan warkah. Secara lazimnya, kedudukan struktur ini dapat dilihat antara komponen kandungan dengan penutup. Prapenutup dalam warkah sosial memperlihatkan bentuk strategi para pengirim untuk memastikan warkah tersebut diberikan keutamaan oleh penerima.

Ab. Razak Ab. Karim menggunakan istilah salam mesra untuk merujuk komponen ini, iaitu bahagian yang memperkatakan secara khusus sebarang bentuk hadiah yang dititipkan bersama-sama dengan warkah yang diutuskan pengirim. Hadiah tersebut juga bergantung pada pemeran yang terlibat. Hadiah boleh berbentuk barangan dan bukan berbentuk barangan, seperti doa, kata-kata indah dan beradat yang difokuskan kepada penerima warkah. Tradisi yang diaplikasikan dalam kebanyakan warkah ini mencerminkan amalan berbudaya yang begitu praktikal sebagai tanda kasih terhadap budi bicara penerima warkah.

Strategi budaya menggunakan rangsangan atau motivasi hadiah dalam sesebuah komunikasi bertindak sebagai galakan untuk mempengaruhi cara pemikiran atau psikologi seseorang.

Hal ini dikatakan demikian kerana tingkah laku atau maklum balas positif daripada penerima adakalanya bergantung terhadap rangsangan melalui ganjaran. Meskipun begitu, ganjaran bagi pengukuhan warkah yang dihantar tidak semestinya berbentuk benda, namun memadai hanya dengan ungkapan pujian mesra. Selain itu, menjadi kelaziman bagi masyarakat Melayu meraikan seseorang dengan penghargaan dalam bentuk hadiah, selari dengan konsep yang diajarkan oleh Islam. Dengan cara sebegini,



Warkah Sultan Ahmad dari Terengganu kepada Baron van der Capellen pada 19 Mac 1824.


secara tidak langsung akan menimbulkan sifat saling mengasihi antara pihak yang terlibat.

Pada kebiasaannya, terdapat beberapa unsur prapenutup yang dapat dikesan dalam warkah sosial. Unsur tersebut ialah hadiah yang berupa barangan ataupun bersifat konkrit. Yang kedua pula hadiah yang bukan berbentuk barangan ataupun bersifat abstrak, seperti doa, harapan dan ungkapan yang baik dan indah kepada penerima warkah tersebut. Penerapan unsur prapenutup yang menyatakan hadiah berbentuk barangan dapat dilihat dalam warkah oleh Sultan Ahmad dari Terengganu kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 19 Mac 1824, seperti yang berikut;

Maka suatu pun tiada hadiah daripada kita akan Tuan Jeneral akan dalil tulus dan ikhlas kita, hanyalah keris sepanjang sebilah, dan lembing sepasang, dan kain besar sepasang, dan gading

sepasang tiadalah dengan *sepertinya*. Adalah seumpama bunga setangkai adanya.

Pemberian hadiah berupa barangan ini memberikan gambaran tentang kekayaan dan kekuasaan yang dimiliki oleh pihak pengirim. Sebagai misalnya, pemberian hadiah keris dan



Warkah Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada T. S. Raffles di Melaka pada 5 Januari 1811.

lembing oleh Sultan Ahmad kepada Baron van der Capellen mengangkat keunikan penggunaan senjata yang sinonim dengan budaya masyarakat Melayu. Keris juga simbol penting bagi seseorang raja dan istana Melayu kerana bukan semua orang dapat memiliki atau menyimpan keris pada waktu itu. Oleh sebab itu, hadiah yang diterima oleh pegawai Belanda tersebut suatu penghormatan yang tidak berbelah bahagi daripada sultan.

Selanjutnya, ditelusuri pula penggunaan prapenutup yang mbingkiskan hadiah bukan berupa barangan, seperti doa, hormat, harapan dan ungkapan baik dan indah. Antaranya termasuklah yang terdapat dalam warkah oleh Datuk Suliwatang dari Lingga kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 2 April 1824, seperti yang berikut;

Maka suatu pun tiada alamat al-hayat yang sahaya persembahkan, hanyalah tabik sahaya dengan beberapa hormat dengan

Pada kebiasaannya, terdapat beberapa unsur prapenutup yang dapat dikesan dalam warkah sosial. Unsur tersebut ialah hadiah yang berupa barangan ataupun bersifat konkrit. Yang kedua pula hadiah yang bukan berbentuk barangan ataupun bersifat abstrak, seperti doa, harapan dan ungkapan yang baik dan indah kepada penerima warkah tersebut.

kemuliaan duli Seri Paduka Tuan Besar serta diberi Khaliq al-'alam panjang umur di dalam dunia ini juga demikianlah adanya.

Bingkisan hadiah yang bukan berbentuk barangan melahirkan suasana kemesraan ataupun perasaan hormat kepada penerima surat. Walaupun tidak menggunakan hadiah yang bersifat kebendaan, ungkapan ini juga mampu mempengaruhi cara bertindak oleh penerima terhadap warkah tersebut.

Sesungguhnya, penerapan kata-kata pujian sebagai pembuka warkah sebelum memerihalkan kandungan sebenar membuka jalan kepada pengirim mengutarakan hasrat atau permintaannya. Namun begitu, pengirim haruslah terlebih dahulu mempertimbangkan latar belakang sosial dan budaya antara pemeran yang terlibat, terutamanya tentang status atau sekatan sosial yang menentukan kedudukan mereka dalam masyarakat. Dengan itu, pengirim lebih berhati-hati ketika memilih ungkapan pujian yang sesuai untuk dilafazkan kepada penerima bergantung pada bentuk hubungan yang ingin dibina.

Sebaliknya, pernyataan bingkisan hadiah yang bertindak sebagai salam mesra daripada pihak pengirim kepada penerima adalah sebagai tanda mengakhiri penulisan warkah. Pendek kata, penerapan dua elemen dalam warkah masyarakat Melayu lama sangat dituntut kerana mampu mempengaruhi kelangsungan warkah. Tradisi yang disulam dengan kata-kata yang penuh beradab menyerlahkan amalan berbudaya masyarakat Melayu yang menitikberatkan hubungan mesra, kehalusan budi, kasih dan penghormatan yang tinggi terhadap khalayak atau sasarannya.